

Mahathir - Islam

GUNAKAN PENGETAHUAN BAGI PEMELIHARA ISLAM, KATA PM KEPADA MAHASISWA UIA

PETALING JAYA, 24 Ogos (Bernama) -- Umat Islam mesti mempelajari dan mendalami semua bidang pengetahuan bagi membolehkan mereka menyumbang ke arah memelihara Islam dan cara hidup Islam, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, usaha mencari ilmu dan kemahiran, intelektual dan kekayaan kebendaan ialah sebahagian daripada usaha memelihara Islam.

Beliau berkata dengan mengabaikan ilmu pengetahuan yang tidak bersabit dengan soal keagamaan dan peraturan-peraturannya menyebabkan umat Islam menjadi lemah dan terdedah dengan penindasan dan menggugat kepercayaan mereka.

Semasa berucap kepada mahasiswa dan kakitangan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) sempena perayaan ulang tahun ke-10 penubuhan universiti itu di sini, beliau berkata kegagalan untuk memahirkan diri dalam pelbagai disiplin ilmu selain perkara-perkara mengenai agama akan mendedahkan umat Islam kepada bahaya kehilangan agama mereka.

Katanya, belum pernah Islam dihina sebegini teruk seperti pada masa ini walaupun ada yang mendakwa terdapat kebangkitan Islam yang besar pada masa sekarang. -- lagi.

▼24/08/20-48MS\*

U GB 24-08 00129 BD477

aab

Mahathir - Islam 2 Petaling Jaya

Katanya, disebabkan oleh kemiskinan harta dan ilmu pengetahuan, umat Islam terpaksa tunduk kepada tekanan luar, dan malahan juga kepada penaklukan dan penindasan.

Beliau berkata wanita tidak harus diketepikan dalam menuntut ilmu ke arah pemeliharaan agama dan cara hidup Islam kerana dengan mengetepikan wanita bermakna mengurangkan tenaga umat Islam kepada separuh.

"Malangnya dalam usaha untuk mengelakkan daripada dibebankan dengan masalah wanita, kita telah menyingkirkan wanita daripada usaha mengejar kejayaan intelektual dan penglibatan dalam kehidupan awam," katanya.

Dr Mahathir berkata jika umat Islam bersikap terlalu liberal dalam interpretasi mengenai Islam, agama itu akan runtuh seperti runtuhnya agama-agama di Barat.

Katanya, umat Islam mesti menghormati had-had sebenar yang dikenakan dalam Islam dan mematuhi. -- lagi.

▼24/08/21-12MS\*

U GB 24-08 00158 BD478

aab

Mahathir - Islam 3 (Akhir) Petaling Jaya

Dr Mahathir berkata penubuhan UIA ialah untuk melindungi ilmu pengetahuan Islam yang sebenar dalam konteks dunia kini yang berubah dengan pesat sejak kedatangan Islam.

Beliau berkata universiti itu juga bermaksud untuk membantu umat Islam menghadapi sebarang masalah dunia moden tanpa menjejaskan kepercayaan mereka dan memastikan tanggapan umat Islam terhadap dunia diimbangi antara hidup dan kehidupan selepas itu.

UIA telah membuktikan bahawa sebuah universiti Islam yang dirancang penubuhannya secara teratur boleh mencapai tahap kecemerlangan setanding universiti-universiti yang telah lama wujud di merata-rata tempat, katanya.

Katanya, sebuah universiti Islam tidak boleh menghadkan pengajian kepada bidang teologi semata-mata tetapi perlu mengajar semua mata pelajaran yang diajar di universiti-universiti lain.

Hanya dengan demikian ia dapat melahirkan siswazah yang serba boleh dan berpengetahuan serta boleh hidup dan menyumbang dalam semua aspek ke arah cara hidup umat Islam, kata beliau. -- Bernama.

HK AH AZ.

▼24/08/21-28MS\*